

Abdul Latif yakin pecah rekod kebangsaan

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Pemenang pingat emas Sukan Paralimpik Rio, Abdul Latif Romly yakin mampu memecah rekod lompat jauh kebangsaan dalam tempoh dua tahun lagi.

Atlet berusia 19 tahun itu memecah rekod Paralimpik dunia tiga kali; termasuk rekodnya sendiri di temasya Rio dengan lompatan sejauh 7.60 meter dalam kategori T20 (masalah pembelajaran).

Dia memberitahu, cabaran yang dilontarkan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin boleh direalisasikan tetapi dia perlu berlatih dengan lebih kuat bagi mengatasi rekod 7.88m milik Josbert Tinus yang dilakukan di Bangkok pada 2007.

Pada masa sama, dia menyuarakan keterujaannya untuk beraksi dalam Sukan SEA 2017.

“Rekod kebangsaan saya rasa boleh buat tetapi saya perlukan dua tahun lagi kerana semasa latihan, lompatan saya tidak

begitu jauh. Saya perlu berlatih kuat lagi selepas ini.

“Saya memang teringin untuk beraksi di Sukan SEA. Berdasarkan kepada rekod dunia yang dilakukan sebelum ini, saya boleh meraih perak di Sukan SEA Singapura 2015,” katanya yang ditemui selepas majlis penyerahan ganjaran pemenang pingat Sukan Paralimpik Rio oleh Naza Corporation Holdings di Menara Naza, di sini hari ini.

Dalam majlis itu Abdul Latif menerima hadiah berupa sebuah unit kediaman Trion 888 di Equine Park dan sebuah kereta Kia Sportage.

Mengulas ganjaran yang diterima itu, Abdul Latif berkata, dia sangat gembira dengan hadiah yang diberikan.

“Saya tidak tahu nak cakap apa kerana saya tidak biasa dengan benda-benda (ganjaran) ini tetapi saya gembira. Selepas ini saya nak ambil lesen kereta,” katanya.